



أونيون سبتي مليسيا فجع السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

PERATURAN PERMAINAN LAWN BOWLS

1. NAMA

Pertandingan ini dinamakan Pertandingan Lawn Bowls Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC).

2. PERATURAN

- 2.1** Pertandingan ini akan dijalankan mengikut World Bowls dan Persekutuan Lawn Bowls Malaysia (PLBM) dan Peraturan AM Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC) yang dikuatkuasa sepanjang kejohanan sukan akan diakui sepanjang masa kejohanan ini.
- 2.2** Sekiranya berlaku sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.

3. PENDAFTARAN PEMAIN

- 3.1** Pendaftaran nama-nama pemain hendaklah dilakukan dengan menggunakan borang yang disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola dan hanya pemain yang berdaftar sahaja dibenarkan untuk bermain.
- 3.2** Setiap pasukan mestilah mengandungi tidak kurang daripada tujuh (7) orang pemain
- 3.3** Seorang pemain hanya dibenarkan bermain untuk 1 (satu) acara sahaja
- 3.4** Borang Pendaftaran Atlet hendaklah dihantar 30 minit sebelum perlawanan pertama dijalankan.

4. ACARA PERTANDINGAN

- 4.1 Acara (disiplin) yang dipertandingkan di SUKFAC adalah seperti berikut:-

Kategori Lelaki		Kategori Wanita	
BIL	ACARA	BIL	ACARA
1.	Singles	1.	Singles
2.	Fours	2.	Fours

5. PAKAIAN PESERTA

- 5.1 Setiap pasukan hendaklah menggunakan pakaian yang seragam dalam setiap perlawanan.
- 5.2 Setiap peserta dikehendaki memakai baju yang berlengan pendek atau panjang dan berkolar. Baju round neck **TIDAK dibenarkan** sama sekali.
- 5.3 Setiap peserta dikehendaki memakai seluar panjang slack berwarna Putih/Krim/Beige bagi lelaki dan wanita. Penggunaan seluar track bottom dibenarkan tetapi haruslah seragam bagi satu pasukan.
- 5.4 Hanya kasut lawn bowls yang tidak bertumit dan bertapak licin sahaja yang boleh digunakan dan dipakai.

6. SISTEM PERTANDINGAN

- 6.1 Setiap perlawanan akan berlangsung sama ada mengikut masa atau hingga perolehan ends oleh mana-mana pemain/pasukan mengikut yang mana **TERDAHULU** seperti berikut:-

DISIPLIN	ENDS	MASA	PENGGUNAAN BOWLS
1. Pairs	15 ends	Rujuk 6.2	4 bowls setiap pemain
2. Fours	15 ends	Rujuk 6.2	3 bowls setiap pemain
6.2 Masa permainan adalah 1 jam bagi peringkat kumpulan dan 1 jam 15 minit bagi pusingan kalah mati.			

- 6.3 Apabila hon dibunyikan bagi tempoh 1 jam 15 minit itu, end yang sedang berjalan akan dihabiskan jika jack telah digolek dengan sah.
- 6.4 Pengurus / Atlet hendaklah mendapatkan scorecard 10 minit sebelum perlawanan.
- 6.5 Tiada sebarang trial end sebelum pertandingan.
- 6.6 Untuk acara Single, pemain dibenarkan melihat perubahan pada Head adalah selepas meleretkan bowls ketiga manakala untuk acara pasukan hanya skip sahaja yang dibenarkan. Pemain-pemain yang lain tidak dibenarkan sama sekali.
- 6.7 Bagi perlawanan peringkat kumpulan, ianya akan dijalankan secara liga.
- 6.8 Bagi perlawanan suku akhir, separuh akhir, penentuan ketiga / keempat dan akhir akan dijalankan secara kalah mati.
- 6.9 Cara Memutuskan Keputusan
 - 6.9.1 Pemberian mata perlawanan:
 - 6.9.2 Pemain / Pasukan yang memperolehi mata yang paling banyak adalah dianggap sebagai Johan Kumpulan.
 - 6.9.3 Jika masih seri, pemain / pasukan yang memperolehi perbezaan netshot (margin) yang terbanyak akan dikira pemenang. (Where points are equal, then the team with the greater Shots difference (Shots FOR minus Shots AGAINST) will be the higher placed team).
 - 6.9.4 Jika masih seri juga, pemain / pasukan yang memperolehi shot yang terbanyak akan dikira pemenang. (if equality still exists the team scoring the most Shot in all matches played in that competition will be the higher placed).
 - 6.9.5 Jika masih seri juga, pemain / pasukan yang memenangi antara kedua-duanya akan dikira pemenang. (If equality still exists, then the players/team who won between the two will be the winners).

6.10 Penentuan Johan Keseluruhan

- 6.10.1 Keputusan Johan Keseluruhan pasukan akan ditentukan berdasarkan jumlah kutipan pingat emas yang terbanyak dari 3 disiplin lelaki dan 3 disiplin wanita.
- 6.10.2 Jika masih seri, kutipan tertinggi pingat perak akan diambil kira bagi menentukan pemenang.
- 6.10.3 Jika masih seri, kutipan pingat gangsa akan diambil kira bagi menentukan pemenang.
- 6.10.4 Jika masih seri, penentuan johan keseluruhan akan ditentukan melalui pengiraan perbezaan shot (margin) di dalam perlawanan akhir.

7. WAKTU SEMBAHYANG / SOLAT

Pertandingan akan dihentikan buat seketika apabila azan berkumandang dan pertandingan akan bersambung semula selepas azan.

8. KELEWATAN

- 8.1 Setiap perlawanan hendaklah dimulakan sebaik sahaja isyarat bermain diberikan oleh umpires.
- 8.2 Mana-mana perlawanan yang tidak dapat dijalankan setelah isyarat bermain diberikan, penalti skor akan dikenakan seperti berikut:-
 - 8.2.1 Mana-mana pasukan yang lewat 5 minit akan memberi satu 1 Shot kepada pihak lawan dan 5 minit seterusnya sehinggalah melebihi 15 minit maka kemenangan percuma diberikan kepada pihak lawan dengan shot 7-0.
 - 8.2.2 Jika permainan telah berlangsung lebih 1 jam atau 9 end dan berlaku gangguan cuaca, keputusan permainan akan diambil kira. Jika gangguan cuaca berlangsung dan perlawanan tidak melebihi 1 jam atau 9 end, perlawanan akan diberhentikan selama 30 minit dan keputusan perlawanan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Teknikal Lawn Bowls SUKFAC dan akan dimaklumkan 30 minit selepas diberhentikan.

9. RE –SPOT JACK

- 9.1 Tiada dead end dalam permainan.
- 9.2 Jika jack telah keluar dari rink ianya akan diletakkan pada point 'T'.

10.0 BANTAHAN

- 10.1 Semua bantahan yang dikemukakan oleh mana-mana pasukan hendaklah mematuhi Peraturan Am Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC).